

Anak derita ayah hilangkan diri

BH (Timur) Jumat 11/01/10 M's

Oleh Asrol Awang
bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: "Saya mewalki ibu dan adik beradik berterima kasih kerana masih ada pihak yang sudi menghulurkan sumbangan kepada kami sekeluarga," kata Norafniza Maas, anak sulung seorang ibu tunggal orang kelainan upaya (OKU).

Norafniza, 15, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Putih, dari Kampung Jawa, di sini, tinggal bersama ibu dan enam adiknya selepas bapa mereka menghilangkan diri sejak empat tahun lalu.

Ibu mereka, Norhayati Mohd Arifin, 35, digantung tidak bertali yang menyebabkan mereka terpaksa hidup dalam kedaifan kerana anak masih bersekolah.

"Sumbangan yang kami dapat akan digunakan sebaik mungkin dan keprihatinan pelbagai pihak amat dihargai," katanya.

Keprihatinan hidup yang dihadapi keluarga Norhayati mendapat perhatian Kelab Media Pahang (KMP) yang menyumbang barang makanan dan wang.

Ini kerana Norhayati terpaksa bergantung harapan kepada abangnya, Mee Mohd Arifin, 43, yang bekerja sebagai tukang cat berikutnya suaminya menghilangkan diri meninggalkannya menanggung beban memelihara anak-anak seorang diri.

Kehidupan keluarga Norhayati sangat daif sehingga mereka terpaksa tinggal di rumah setinggan tinggalan



NORHAYATI (belakang tiga dari kiri) hidup dalam keadaan daif bersama tujuh anaknya di Kampung Jawa, Kuantan.

Norafniza syukur insan prihatin bantu ringankan beban

arwah emak yang sudah uzur bersama tujuh anak serta seorang bekas rakan arwah emak yang menumpang tinggal di situ kerana ketiadaan saudara mara

Anak kedua Norhayati, Norasmadiana, 14 belajar di SMK Chenderawasih, Mohd Zulkarnain, 12, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chung Ching,

manakala Mohd Zulalif, 10, Siti Hawa, 9, Norasyikin, 7, masing-masing di SK Chenderawasih. Anak bongsunya, Adam Alif berusia enam tahun.

Keluarga Norhayati kini hanya bergantung dengan wang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 sebulan selain duit pemberian abangnya.

Rumah didiami mereka bukan saja kecil dan usang, malah tiada bekalan air sejak 15 tahun lalu berikutan rumah dibina di rizab jalan.

Bekalan air pula diambil dari rumah jiran dengan bayaran RM20 sebulan.

Selain KMP, turut menyumbang Kelab Kebajikan Pejabat Naib Canselor Universiti

Malaysia Pahang (UMP) dan Bukit Gambang Resort City (BGRC).

Sementara itu, Presiden KMP, Nik Naizi Hussin, keprihatinan ahli kelab berkemampuan membantu menyumbangkan wang ringgit dan keperluan barang dapur kepada penduduk miskin seharusnya menjadi amalan berterusan.